



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16/2025

**CUTI GANTIAN BAGI HARI KELEPASAN AM
SEMPENA HARI RAYA QURBAN TAHUN 2025 MASIHI/ 1446 HIJRAH**

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berhubung Cuti Gantian bagi Hari Kelepasan Am sempena Hari Raya Qurban Tahun 2025 Masihi/ 1446 Hijrah pada **9 Jun 2025 (Isnin)** berdasarkan surat Hari Kelepasan Am Negeri Kelantan Bagi Tahun 2025 daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan bertarikh 17 Disember 2024 seperti jadual di bawah:

Bil.	Tarikh	Catatan
1.	6 Jun 2025 (Jumaat)	Hari Wukuf
2.	7 Jun 2025 (Sabtu)	Hari Raya Qurban
3.	8 Jun 2025 (Ahad)	Hari Raya Qurban (Hari Kedua)
4.	9 Jun 2025 (Isnin)	Cuti Gantian

2. Pelaksanaan Cuti Gantian bagi Hari Kelepasan Am sempena Hari Raya Qurban Tahun 2025 Masihi/ 1446 Hijrah ini adalah selaras dengan klausa berikut:

"Bagi Hari-Hari Kelepasan Am yang disenaraikan, sekiranya Hari Kelepasan Am jatuh pada hari Kelepasan Mingguan (Jumaat dan Sabtu) secara berturut-turut, maka hari-hari itu diganti dengan hari esoknya (satu hari sahaja) dan jika kemudiannya pula sedia menjadi hari kelepasan, maka hari yang berikutnya dijadikan Hari Kelepasan Am."

3. Sehubungan itu, semua staf adalah dimohon untuk mengambil perhatian berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

25 MEI 2025

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab